



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepe.com



HUBUNGAN PENGETAHUAN PEDAGOGI DENGAN PENERAPAN PATRIOTISME: SATU TINJAUAN TERHADAP GURU-GURU SEJARAH SEKOLAH DI SABAH

THE RELATIONSHIP OF PEDAGOGICAL KNOWLEDGE WITH THE APPLICATION OF PATRIOTISM: A SURVEY OF SCHOOL HISTORY TEACHERS IN SABAH

Jais Abdul Hamid¹, Irma Wani Othman^{2*}, Sharifah Darmia Sharif Adam³, Saifulazry Mokhtar⁴

¹ IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah, Malaysia.

Emel: jahwin2009@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.

Emel: irma@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Emel: shdarmia@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Emel: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 30.09.2022

To cite this document:

Hamid, J. A., Othman, I. W., Adam, S. D. S., & Mokhtar, S. (2022). Hubungan Pengetahuan Pedagogi dengan Penerapan Patriotisme: Satu Tinjauan Terhadap Guru-Guru Sejarah Sekolah di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 802-818.

DOI: 10.35631/IJEPC.747059

Abstrak:

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi dan hubungannya dengan amalan penerapan patriotisme guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik bagi tujuan mengumpul data. Sampel kajian adalah terdiri daripada guru-guru sejarah yang melibatkan seramai 367 responden di seluruh Sabah. Pemboleh ubah kajian telah diuji dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai serta statistik inferensi yang melibatkan korelasi *Pearson*. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan pedagogi guru-guru Sejarah sekolah menengah di Sabah pada tahap sederhana dan adanya hubungan positif yang kuat antara pengetahuan pedagogi dengan amalan penerapan nilai patriotisme. Dapatan ini memberikan input berguna khususnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak pentadbiran sekolah bagi merancang program-program pembangunan profesionalisme.

Kata Kunci:

Pengetahuan Pedagogi, Penerapan Patriotisme dan Guru-guru Sejarah Sekolah Menengah

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

The main purpose of this study was to identify the level of pedagogical knowledge and its relationship with the application of patriotism of secondary school history teachers in Sabah. This study is a survey study using a questionnaire for the purpose of collecting data. The sample of the study consists of history teachers involving a total of 367 respondents throughout Sabah. The study variables were tested using descriptive statistics namely mean and standard deviation as well as inferential statistics involving Pearson correlation. The findings of the study show that the pedagogical knowledge of History teachers in secondary schools in Sabah is at a moderate level and there is a strong positive relationship between pedagogical knowledge and the practice of applying the values of patriotism. These findings provide useful input, especially to the Ministry of Education Malaysia, the State Education Department, and the school administration to plan professional development programs.

Keywords:

Pedagogical Knowledge, Application Of Patriotism And Secondary School History Teachers

Pengenalan

Mata pelajaran sejarah adalah elemen penting dalam membangunkan akhlak dan jiwa generasi kini dan akan datang daripada pengalaman generasi sebelumnya. Sejarah membawa pelajar mengimbuai kembali pelbagai peristiwa penting yang dapat dijadikan iktibar dan pengajaran bagi mempertahankan kedaulatan negara. Selain itu, mata pelajaran sejarah berperanan menyemai dan membangkitkan semangat patriotisme yang berkesan bagi mewujudkan perpaduan kaum khususnya bagi negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik, budaya, agama dan bahasa (KPM, 2002). Dalam hal ini, guru adalah tunjang terhadap kejayaan pelaksanaan segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh KPM. Seperti yang dijelaskan oleh Mohd Johdi Salleh (2003), bahawa pengaruh guru dapat membangkitkan minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta pembentukan jati diri mereka. Justeru itu, setiap guru perlu memiliki pengetahuan yang mencukupi untuk berhadapan dengan pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang (Noraini dan Shuki, 2009). Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Abdul Halim al-Muhammadi (2009), guru adalah ejen kepada perubahan dan keberkesanan pendidikan, oleh itu guru perlu sentiasa siap siaga dalam usaha membangunkan bangsa dan negara. Tanpa penglibatan dan komitmen berterusan golongan guru, segala perancangan pendidikan mungkin akan tercatat di atas kertas sahaja. Guru dan pendidikan diibaratkan seperti aur dengan tebing dalam usaha memacu kecemerlangan dan kegemilangan sebuah negara. Oleh itu, guru wajar memperlengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan mengajar khususnya pengetahuan pedagogi supaya matlamat yang ditetapkan oleh pihak kementerian akan dapat direalisasikan dengan cemerlang.

Sorotan Literatur

Pedagogi adalah seni dan juga sains pengajaran yang merangkumi prinsip, kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya pembelajaran, dan kawalan bilik darjah dalam pendidikan formal (Abdul Sukor Shaari, 2011). Penguasaan guru dalam kemahiran ini mampu menzahirkan

suasana pembelajaran yang berwarna-warni dengan kaedah yang menarik, alat bantu yang sesuai, hubungan guru dan pelajar yang harmoni serta iklim pembelajaran yang membangkitkan semangat belajar pelajar (Norhasliza dan Zaleha, 2008). Jika situasi ini sentiasa wujud dalam setiap PdP, masalah pelajar bosan dan tidak minat terhadap sesuatu mata pelajaran mungkin dapat dikurangkan. Secara umumnya, pengetahuan pedagogi dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu umum dan khusus. Pedagogi umum meliputi pengetahuan tentang pengajaran seperti pengurusan bilik darjah dan strategi pengajaran umum yang boleh diguna pakai dalam pelbagai tatacara pendidikan yang luas seperti kemahiran menyawal, kemahiran menerangkan. Pengetahuan pedagogi umum juga meliputi pengetahuan tentang teori umum pembelajaran; pengetahuan tentang strategi pengajaran; pengetahuan tentang matlamat pendidikan secara umum dan penilaian dan pengetahuan tentang pengurusan bilik darjah secara umum. Rumusannya, pengetahuan pedagogi umum ini merupakan pengetahuan yang perlu didedahkan kepada semua guru tanpa mengira pengkhususan. Ia merupakan satu pengetahuan umum atau pengetahuan asas kepada semua guru dan bakal guru. Menurut Tunner-Bisset (2007), pengetahuan pedagogi umum ialah pengetahuan yang luas tentang pengurusan bilik darjah, sumber, pelajar, pembantu dan penolong yang merupakan perkara biasa dalam semua mata pelajaran.

Pedagogi khusus pula merangkumi pengetahuan tentang strategi, kaedah dan teknik pengajaran. Ia juga melibatkan perancangan dan pelaksanaan PdP (Hassard, 2000). Pengetahuan ini penting bagi seseorang guru supaya kaedah yang dipilih bersesuaian dengan tajuk yang dibincangkan serta tahap kebolehan dan latar belakang pelajar. Rosnanaini Sulaiman (2003) melihat kualiti pengajaran guru sejarah di sekolah berkait rapat dengan pemilihan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam penyampaian bahan pengajaran agar dapat diterima, diserap dan diamalkan oleh pelajar.

Pengetahuan pedagogi merupakan salah satu elemen yang penting dalam pengetahuan profesion seorang guru dan ia mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam merangsang minat pelajar untuk belajar. Banyak kajian yang dibuat oleh para penyelidik di negara ini yang dapat memberikan gambaran tentang pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap pelajar. Antaranya, kajian Norliza Abdul Majid (2003) memperlihatkan seramai 78 (37.5 peratus) responden bersetuju bahawa pelajar tidak suka dengan cara guru sejarah mengajar. Ini berkait rapat dengan pendekatan yang digunakan oleh guru-guru sejarah itu sendiri yang lebih selesa menggunakan pendekatan tradisional dan berpusatkan guru dalam pelaksanaan PdP mereka. Pengajaran guru seharusnya membantu membina dan mengukuhkan minat pelajar untuk belajar serta membimbing mereka dalam menyelesaikan masalah pembelajaran mereka (Stephens dan Crawley, 2002).

Guru juga perlu mengetahui gaya pembelajaran yang disukai pelajar kerana setiap pelajar mempunyai cara belajar yang tersendiri berdasarkan latar belakang keluarga, pengetahuan sedia ada dan minat masing-masing. Menurut Eekelen et al. (2005), dengan menyediakan rancangan pengajaran berdasarkan gaya pembelajaran pelajar, guru akan dapat beberapa manfaat seperti memperbaiki maklum balas pelajar terhadap bahan pembelajaran dan membantu pembelajaran yang berkesan. Pendidikan masa kini melihat pelajar mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dan mereka menentukan cara belajar mereka sendiri. Oleh itu, guru perlu bijak memilih, pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang sesuai agar dapat memenuhi cita rasa pembelajaran pelajar (Hsu dan Shiue, 2005). Menurut Anuar et al. (2009), fungsi pengajaran adalah untuk menghasilkan pengajaran yang efektif.

Kajian Ahamad Rahim (2012) terhadap 147 orang guru dan 1441 pelajar untuk menilai pelaksanaan kurikulum sejarah menengah rendah di sekolah-sekolah menengah di Malaysia mendapati pandangan guru dan pelajar terhadap konstruk pengetahuan pedagogi, perancangan pengajaran serta pembelajaran aktif berada pada tahap sederhana. Tahap ini belum mencukupi untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan dan bermakna, apa lagi pengetahuan pedagogi merupakan jambatan utama yang menghubungkan antara pengetahuan kandungan guru dengan kefahaman pelajar. Kelemahan dalam pengetahuan ini bermakna pengetahuan yang dimiliki oleh guru berkaitan sesuatu topik atau nilai patriotisme tidak akan sampai kepada pelajar.

Sementara itu, dalam kajian Abdul Razaq et al. (2017) terhadap 153 pelajar sekolah rendah kerajaan dari 15 sekolah terpilih di Malaysia mendapati pengetahuan pedagogi mempengaruhi penerapan patriotisme yang berkesan. Manakala kajian Ahamad Rahim (2012) juga mendapati pengetahuan pedagogi menyumbang sebanyak 22 peratus kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah. Ini memberi gambaran bahawa pengetahuan pedagogi mempunyai pengaruh untuk menentukan keberkesanan proses PdP dalam kelas serta pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah (Anuar et al., 2009). Justeru itu, tindakan yang komprehensif perlu dirancang dan dilaksanakan bagi menangani masalah kelemahan dalam pedagogi supaya ia tidak berterusan. Guru-guru, pengurusan sekolah serta KPM perlu lebih peka dan berusaha mencari jalan untuk meningkatkan keupayaan guru-guru dalam pengetahuan pedagogi.

Pendidikan hari ini telah berkembang pesat berbanding sebelumnya, guru tidak boleh ketinggalan dan perlu bergerak pantas seiring dengan kemajuan pendidikan masa kini. Guru perlu memanfaatkan kecanggihan teknologi *ICT* yang jelas mampu meningkatkan keberkesanan PdP guru-guru sejarah seterusnya memberi impak positif terhadap usaha penerapan nilai-nilai patriotisme (Haminah Suhaibo, 2010).

Kajian Lee (2013) mendapati penggunaan *ICT* dalam PdP di negara-negara Eropah menunjukkan meningkatkan minat dan pencapaian dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Rossafri dan Shabariah (2011), mendapati di Malaysia, penggunaan *facebook* dalam PdP sejarah dapat meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar. *ICT* juga berupaya mewujudkan PdP yang berkesan dan menarik minat pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan melalui persembahan *power point*, tayangan video, pencarian sumber dan sebagainya. Oleh itu, guru wajar mengambil kesempatan ini untuk menggunakan kelebihan *ICT* bagi menjana kaedah PdP yang menyeronokkan dan dapat merangsang minda pelajar (Azwan et al., 2005). Dengan ini, pelajar akan lebih tertarik untuk mengikuti pembelajaran sejarah, seterusnya memudahkan guru untuk menerapkan nilai patriotisme kepada pelajar. Bagi guru yang lemah dalam *ICT*, perlu ada inisiatif sendiri untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang ini bagi memastikan mereka dapat menggunakan kelebihan *ICT* dalam pengajaran mereka.

Kajian lain berkaitan pengetahuan pedagogi sejarah yang telah dibuat adalah seperti penggunaan kaedah koperatif *team game tournament* (Aniek, 2012). Dalam kajian ini beliau membuat kesimpulan bahwa model pembelajaran koperatif jenis *team game tournament* dapat meningkatkan motivasi dan hasil belajar. Sementara itu, Malar Muthiah (2013), telah mengkaji pengajaran koperatif menggunakan kaedah *STAD* (*Student Team Achievement Division*) dalam pembelajaran Sejarah murid Tingkatan Dua. Sampel adalah terdiri daripada 74 orang murid tingkatan dua daripada dua buah sekolah di daerah Sungai Petani, Kedah. Beliau mendapati penggunaan kaedah *STAD* berjaya meningkatkan pencapaian dan kemahiran sosial murid kumpulan eksperimen dalam mata pelajaran Sejarah berbanding dengan kumpulan kawalan.

Kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa guru yang menggunakan kaedah koperatif dalam pengajaran sejarah dapat meningkatkan pencapaian, kemahiran sosial dan motivasi pelajar.

Kajian terbaharu mengenai strategi pengajaran dan penilaian sejarah oleh Anuar dan Nelson (2015) terhadap 60 orang pelajar di daerah Samarahan, Sarawak, mendapati majoriti guru-guru sejarah menguasai pelbagai strategi pengajaran dan juga penilaian sejarah. Kajian oleh Mohd Fauzi Ali (2015), melibatkan kompetensi berkaitan dengan pengetahuan dan aplikasi yang berkaitan dengan kandungan kurikulum sejarah, pedagogi sejarah, penggunaan bahan bantu mengajar, *ICT* serta penerapan nilai patriotisme dan pemikiran sejarah. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat sumbangan yang signifikan antara pengetahuan pedagogi sejarah, penggunaan bahan bantu mengajar, *ICT* serta penerapan nilai patriotisme aplikasi pedagogi guru sejarah. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa tahap pengetahuan pedagogi guru-guru sejarah semakin baik terutama sekali bidang kandungan kurikulum sejarah, pedagogi sejarah, penggunaan bahan bantu mengajar, *ICT* serta penerapan nilai patriotisme dan pemikiran sejarah.

Kajian Zahara dan Nik Azleena (2007) pula memberi tumpuan kepada kesediaan guru-guru Sejarah dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru-guru Sejarah bagi kelima-lima aspek menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara guru yang berpengkhususan sejarah dan bukan sejarah, serta guru yang telah mengikuti kursus dan belum mengikuti kursus. Dapat kajian ini membuktikan bahawa guru-guru pengkhususan dan guru yang telah mengikuti kursus mempunyai kelebihan berbanding guru bukan pengkhususan dan guru yang tidak pernah berkursus. Seterusnya kajian Zahara dan Nurliah (2009) untuk melihat penerimaan pelajar dan keberkesanan peta konsep dalam meningkatkan pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran sejarah. Kajian ini merupakan satu kajian tindakan yang dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif melibatkan 37 responden pelajar dan seorang guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan peta konsep adalah satu kaedah yang berkesan dan sesuai untuk digunakan dalam PdP sejarah dan sesuai digunakan untuk menerangkan tentang konsep nilai-nilai patriotisme yang terdapat dalam DSKP Sejarah sekolah menengah (KPM, 2015).

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa pengetahuan pedagogi adalah aspek penting yang perlu dikuasai oleh guru-guru sejarah. Pengetahuan ini menjadi asas yang kukuh untuk keberkesanan pengajaran guru dan kefahaman pelajar (Norhasliza dan Zaleha, 2008). Banyak kajian yang telah dilakukan dalam bidang ini dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu seperti kaedah pengajaran, penilaian, bahan bantu mengajar, peta konsep, Kemahiran pemikiran Sejarah, *ICT*, dan penerapan patriotisme. Penyelidik yang terlibat juga menggunakan pelbagai kaedah dan instrumen untuk mengutip data. Di samping itu lokasi kajian dan responden yang terlibat juga adalah berbeza-beza mengikut penyelidik. Sementara itu dapatan kajian menunjukkan keputusan yang pelbagai selari dengan skop kajian yang berbeza-beza.

Kajian berkaitan penerapan patriotisme juga telah banyak dibuat oleh para penyelidik di dalam mahupun di luar negara. Antara kajian tersebut adalah kajian Haminah Suhaibo (2010) terhadap guru-guru sejarah tingkatan satu di daerah Kuching. Dalam kajian ini beliau mendapati sebilangan guru sejarah masih lemah dalam mempelbagaikan kaedah yang sesuai untuk memupuk nilai patriotisme kepada pelajar. Kajian Anuar Ahmad (2001) terhadap 25 orang guru sejarah di beberapa buah sekolah di negeri Melaka dan Seremban mendapati tiada guru yang secara berterusan menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan kepada pelajar dan

kebanyakan guru hanya menyebut nilai patriotisme dan memberi nasihat kepada pelajar berkaitan dengan nilai patriotisme yang disebut. Sementara itu, kajian Jaizah, Khairuddin dan Ibrahim (2001) terhadap 33 orang guru pelatih semester 4 pengkhususan pengajian Agama dan Kajian Tempatan di Institut Perguruan Darulaman mendapati sebilangan guru pelatih telah merancang dan melaksanakan dengan baik penerapan nilai patriotisme dalam proses PdP Kajian Tempatan. Mereka juga mencatat nilai-nilai patriotisme dalam buku rancangan pengajaran dan menggunakan pelbagai teknik dalam proses penerapan seperti penggunaan lirik lagu dan gambar. Walaupun kajian ini hanya melibatkan 33 orang guru pelatih, namun ia sedikit sebanyak memberi gambaran keupayaan guru-guru pelatih dalam melaksanakan penerapan patriotisme di sekolah.

Kajian Norrizan Seman (2003) dan Jaizah Mahamud (2001), mendapati guru kurang berupaya mengintegrasikan nilai-nilai patriotisme dalam proses PdP. Sementara itu, Sani La Bise (2013) dalam kajiannya mendapati guru menggunakan pendekatan dan kaedah yang sesuai, menggunakan bahan bantu yang menarik, melaksanakan aktiviti yang kreatif semasa menerapkan nilai patriotisme. Sementara itu, kajian yang dibuat oleh Ramlah @ Ayu Md Yusof (2007) terhadap 169 pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak dan Politeknik Merlimau, Melaka mendapati responden yang terlibat mempunyai kesediaan dan keupayaan menerapkan nilai patriotisme dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Dalam pada itu, Mahat Jamal (2015) telah melaksanakan kajian yang menjurus kepada peranan lagu-lagu patriotisme untuk meningkatkan semangat patriotisme terhadap belia-belia di Sabah. Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan belia-belia di Sabah telah didedahkan dengan lagu-lagu patriotik semasa di sekolah rendah lagi. Responden yang ditemu bual juga bersetuju bahawa semangat patriotisme dan nasionalisme perlu dipupuk dan dibangunkan bermula dari peringkat pra sekolah sehinggalah ke peringkat universiti.

Sementara itu, Karmila Mansur (2018) telah melaksanakan kajian berkaitan penggunaan kaedah *PlayCooper* dalam pengajaran tajuk Jata Negara. Kaedah ini merupakan gabungan kaedah bermain (*Play*) dan pembelajaran koperatif (*Cooper*) yang diringkaskan menjadi (*PlayCooper*). Kaedah ini telah berjaya menarik minat dan meningkatkan penguasaan murid bagi tajuk Jata Negara. Selain itu, kaedah ini juga didapati berupaya mengasah kemahiran berfikir dan meningkatkan keyakinan murid. Sementara kajian Azwani Ismail (2012) yang memfokuskan pengajaran koperatif model *STAD* untuk penerapan patriotisme. Beliau menggunakan pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif dengan kaedah eksperimen kuasi dan temu bual untuk mendapatkan data. Hasil kajian menunjukkan kesan yang positif terhadap pelajar. Dapatan ini selaras dengan kajian (Malar Muthiah, 2013). yang mendapati model *STAD* berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. Selain itu, model ini juga berjaya meningkatkan interaksi dan hubungan positif pelajar sesama rakan sekelas (Nagarajan Muniyandy, 2006).

Sementara itu, Tiyas Sartika (2016) telah menjalankan penyelidikan berkaitan penanaman rasa nasionalisme terhadap 123 orang pelajar SMA di Jatilawang, Indonesia. Dalam kajian tersebut beliau mendapati guru-guru sejarah di sekolah berkenaan menggunakan pelbagai kaedah untuk menanamkan rasa nasionalisme kepada para pelajar seperti kaedah ceramah, perbincangan dan soal jawab. Selain itu, guru-guru sejarah juga menggunakan bahan bantu mengajar seperti media serta sumber-sumber lain yang relevan. Mereka juga sentiasa memberikan motivasi dan semangat kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Hasilnya guru-guru sejarah telah berjaya meningkatkan rasa nasionalisme dalam kalangan pelajar seperti berdisiplin, kejujuran, keragamaan, kesatuan dan kesamaan.

Masalah Kajian

Kajian berkaitan dengan pengetahuan pedagogi memang telah banyak dibuat oleh para penyelidik dalam dan luar negara. Kebanyakan hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran pedagogi sangat penting dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan. Begitu juga halnya dengan kajian berkaitan penerapan patriotisme, memang banyak telah dibuat oleh para penyelidik. Namun kajian yang memberi fokus terhadap hubungan antara kemahiran pedagogi dengan penerapan patriotisme sangat kurang. Oleh sebab itu, penyelidik berpendapat ada keperluan untuk membuat kajian dari aspek ini bagi memperoleh maklumat-maklumat baharu sebagai rujukan atau panduan kepada para penyelidik dan juga pengamal pendidikan semasa.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini penyelidik menetapkan dua objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan pedagogi guru-guru Sejarah sekolah menengah di Sabah.
- ii. Mengetahui adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme dalam kalangan guru-guru Sejarah di Sabah.

Definisi Operasional

Pengetahuan Pedagogi

Pengetahuan pedagogi adalah salah satu elemen penting dalam pengetahuan asas mengajar seorang guru. Pengetahuan pedagogi terbahagi kepada dua bahagian itu pengetahuan pedagogi umum dan pengetahuan pedagogi khusus. Pengetahuan pedagogi umum meliputi pengetahuan, kepercayaan dan kemahiran yang berkaitan dengan pengajaran, pengurusan bilik darjah, pengetahuan generik guru tentang teori dan teknik mengajar secara umum tanpa mengkhusus subjek tertentu. Seperti yang dikatakan oleh Tunner-Bisset (2007), pengetahuan pedagogi umum ialah pengetahuan yang luas tentang pengurusan bilik darjah, sumber, pelajar, pembantu dan penolong dalam semua mata pelajaran.

Pengetahuan pedagogi khusus adalah merangkumi pengetahuan tentang strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran (Rosnanaini Sulaiman, 2003). Ia juga melibatkan perancangan dan pelaksanaan PdP (Hassard, 2000), pengurusan kelas, pengurusan bilik darjah, sumber dan pelajar (Tunner-Bisset, 2007). Pengetahuan ini amat signifikan bagi setiap guru kerana kefahaman pelajar terhadap aktiviti pengajaran guru adalah berkait dengan kemahiran pedagogi guru.

Dalam konteks kajian ini, pengetahuan pedagogi adalah merujuk kepada kemahiran guru membuat jangkaan terhadap emosi pelajar, kemahiran membuat perancangan PdP yang mesra pelajar dengan mengambil kira emosi pelajar, kemahiran mengesan dan mengenalpasti salah konsep pelajar, kemahiran mengesan kesukaran pelajar semasa sesi PdP, kemahiran memilih isu yang sesuai sebagai fokus pengajaran, kemahiran menghubungkan topik-topik dan kemahiran menggunakan pelbagai teknik berpusatkan pelajar.

Penerapan Patriotisme

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2004) patriotisme ialah perjuangan yang menjiwai kepentingan bangsa dan negara. Ia menonjolkan semangat juang yang tinggi mendaualatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara. Patriotisme juga bukan sekadar semangat tetapi lebih dari itu dan ia merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal kesetiaan,

kewarganegaraan, jati diri, keyakinan, keberanian, kemerdekaan dan kedaulatan (Raja Ruslan Raja Samah, 2005). Menurut Nazri dan Jamsari (2004), istilah patriotisme berasal daripada bahasa Greek, iaitu *patriotes* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara. Patriotisme merupakan unsur ketahanan nasional yang amat penting bagi meningkatkan komitmen dan tanggungjawab rakyat terhadap bangsa dan negara. Unsur-unsur patriotisme diterapkan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, bersemangat kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif ke arah mencapai matlamat dan aspirasi negara. Antara nilai-nilai patriotisme yang telah diterima dan diguna pakai untuk diterapkan kepada pelajar sekolah adalah, pertama berbangga sebagai rakyat Malaysia, kedua bersemangat setia negara, ketiga bersemangat kekitaan, keempat berdisiplin (KPM, 2015; Haminah Suhaibo, 2007; KPM, 2002; Ahmad Rusdi, 2002).

Penerapan patriotisme adalah merujuk kepada tindakan guru menggabungkan kandungan topik dengan nilai patriotisme yang bersesuaian semasa proses PdP sejarah dalam kelas. Proses penerapan boleh dilaksanakan sepanjang proses PdP sama ada pada peringkat set induksi, perkembangan ataupun di akhir pengajaran. Justeru kajian ini, cuba meninjau sama ada terdapat penerapan patriotisme dalam kalangan guru-guru semasa proses PdP sejarah. Selain itu, penggunaan pelbagai teknik dan kaedah serta pelaksanaan aktiviti penerapan patriotisme juga menjadi fokus kajian ini sesuai dengan masalah dan objektif kajian yang telah dinyatakan.

Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini diharap akan dapat meneroka seterusnya menganalisis tahap pengetahuan pedagogi serta hubungan pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme dalam kalangan guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Hasil kajian boleh membantu pihak KPM mengumpul maklumat yang berkaitan dengan pengetahuan mengajar guru-guru sejarah, masalah PdP sejarah, dan masalah penerapan patriotisme dalam kalangan guru sejarah. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari kajian ini, KPM dapat merancang dasar-dasar pendidikan yang sesuai dan lebih efektif bagi mengatasi masalah-masalah ini. Seterusnya kajian dapat membantu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) merancang dan melaksanakan program-program pendidikan bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru sejarah bagi menjayakan dasar berkaitan yang telah ditetapkan oleh KPM.

Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti yang bertanggungjawab melatih bakal-bakal guru juga mendapat manfaat daripada kajian ini. Maklumat yang diperoleh dari kajian ini membantu IPG dan universiti menyediakan kursus serta program-program yang bersesuaian dengan keperluan guru khususnya guru sejarah. Seterusnya dapat membantu IPG dan universiti menyediakan pensyarah-pensyarah pakar mata pelajaran sejarah di setiap IPG dan universiti yang menawarkan kursus perguruan di Malaysia. Keberadaan pensyarah berkemahiran dalam mata pelajaran sejarah membantu melahirkan bakal guru sejarah yang berwibawa. Selain itu, maklumat dari kajian ini juga membantu pihak IPG dan universiti melakukan inovasi serta kajian tindakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran guru sejarah.

Maklumat dari kajian ini juga berguna kepada sekolah untuk merancang kursus-kursus dalaman pada hujung minggu bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman guru tentang kaedah pengajaran sejarah yang menarik dan berkesan. Selain itu, pihak sekolah juga boleh merancang keperluan seperti keperluan guru, alat bantu mengajar, persekitaran sekolah dan keperluan-keperluan berkaitan yang dapat membantu mengatasi masalah penerapan nilai patriotisme dalam kalangan guru sejarah. Seterusnya kajian ini juga akan dapat memberi

manfaat kepada ibu bapa berkaitan dengan prestasi pelajar dalam mata pelajaran sejarah. Ini membantu ibu bapa merangka tindakan susulan sewajarnya apabila anak-anak berada di rumah. Ini sekali gus akan dapat mewujudkan jaringan kerjasama antara sekolah dan ibu bapa. Selain itu, dapatan ini juga diharap akan dapat memotivasikan pengurusan sekolah dan guru-guru sejarah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengajar mereka sama ada melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan mahu pun melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi lagi.

Metodologi

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan sampel untuk mengumpul maklumat tentang pemboleh ubah kajian daripada sebahagian populasi terpilih. Penyelidik memilih soal selidik berskala likert lima mata untuk mengumpul data yang diperlukan kerana ia berupaya mengumpul maklumat dari responden yang ramai. Soal selidik juga membolehkan penyelidik memperoleh lebih banyak informasi tentang sesuatu perkara dalam masa yang singkat. Selain itu, pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang dapat menghasilkan dapatan yang tepat dan boleh dipercayai kerana kesahihan data dapat dibuktikan dengan menggunakan angka hasil daripada analisis (Aini Hassan, 2007).

Dapatan Dan Perbincangan

Tahap Pengetahuan Pedagogi

Analisis deskriptif yang dijalankan untuk mendapatkan skor min dan sisihan piawai bagi item-item pengetahuan pedagogi menunjukkan bahawa semua item pada tahap sederhana. Data juga menunjukkan bahawa item 3 mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.31 dan item 2 dan 6 mendapat skor yang paling rendah iaitu 3.13. Skor min keseluruhan ialah 3.20 dan sisihan piawai .272, berada pada tahap sederhana.

Jadual 1: Min Bagi Item Pengetahuan Pedagogi

Bil	Item Soal Selidik	Min
1	Saya mengetahui tekanan yang mungkin dialami oleh pelajar saya sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran bermula.	3.20
2	Saya menyediakan rancangan pengajaran dengan mengambil kira tekanan yang mungkin dialami oleh pelajar semasa sesi pengajaran saya.	3.13
3	Saya boleh mengesan dan mengenal pasti salah konsep dalam kalangan pelajar semasa mengajar topik baru.	3.31
4	Saya boleh mengesan kesukaran pelajar semasa sesi pengajaran saya.	3.15
5	Saya boleh memilih isu yang sesuai sebagai fokus pengajaran saya.	3.21
6	Saya boleh menghubungkan antara topik-topik dalam pelajaran sejarah.	3.13
7	Saya boleh menggunakan pelbagai kaedah dan teknik berpusatkan pelajar dalam pengajaran saya.	3.30

Hubungan antara Pengetahuan Pedagogi dengan Penerapan Patriotisme

Analisis Ujian Korelasi *Pearson* yang dijalankan ke atas pemboleh ubah pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan ($r=.827$; $k<0.005$).

Jadual 2: Analisis Ujian Korelasi *Pearson* Antara Pemboleh Ubah Pengetahuan Pedagogi dengan Penerapan Patriotisme Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah

<i>Variabel</i>	<i>PNP</i>
PP Korelasi <i>Pearson</i>	.827
<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000
N	367

**** Korelasi signifikan pada aras 0.001(2 tailed)**

PP : Pengetahuan Pedagogi

PNP : Penerapan Nilai Patriotisme

Fokus perbincangan dalam bahagian ini terarah kepada hasil kajian berkaitan tahap pengetahuan pedagogi dan hubungan pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme. Keputusan analisis mendapati pengetahuan pedagogi responden pada tahap sederhana dengan min 3.20 dan analisis Korelasi *Pearson* menunjukkan wujud hubungan positif yang kuat antara pengetahuan kandungan dengan penerapan patriotisme. Berdasarkan analisis berkaitan pengetahuan pedagogi, keputusan yang diperoleh agak kontradik dengan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Mohd Fauzi et al., (2015) yang mendapati pengetahuan pedagogi guru-guru sejarah pada tahap tinggi. Begitu juga dengan kajian Anuar dan Nelson (2015) yang menunjukkan majoriti guru-guru sejarah menguasai pelbagai strategi pengajaran dan penilaian sejarah. Namun, jika dibuat perbandingan antara dapatan kajian ini dengan dua kajian yang di atas, memberi gambaran bahawa masih terdapat guru-guru sejarah yang kurang menguasai sepenuhnya pengetahuan pedagogi.

Merujuk kepada analisis item bagi semua tujuh item pengetahuan pedagogi mendapati skor min bagi semua item tidak jauh berbeza yang mana skor paling dominan ialah kemahiran mengesan dan mengenal pasti salah konsep dalam kalangan pelajar. Sementara itu skor min paling rendah ialah item berkaitan dengan kemahiran tentang menyediakan rancangan pengajaran dengan mengambil kira tekanan yang mungkin dialami pelajar semasa sesi pengajaran, dan item berkaitan kemahiran menghubungkan kait topik-topik dalam pelajaran sejarah. Berdasarkan analisis ini, penyelidik berpendapat bahawa responden perlu meningkatkan kemahiran bagi semua item pengetahuan pedagogi berikutan perbezaan skor min yang diperoleh setiap item agak kecil. Keseluruhannya dapatan ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi guru-guru sejarah belum mencukupi untuk dijadikan sandaran bagi melaksanakan PdP yang berkualiti dan berkesan.

Walau bagaimanapun kelemahan guru dalam kemahiran menyediakan rancangan pengajaran dengan mengambil kira tekanan yang mungkin dialami pelajar semasa sesi pengajaran sesuatu yang agak membimbangkan kerana proses PdP yang berkesan dan berkualiti perlu mengambil kira kemampuan dan cara belajar pelajar. Jika tidak ia mungkin mendatangkan rasa bosan, dan pelajar tidak berminat untuk mengikuti sesi PdP. Guru perlu merancang PdP yang menyeronokkan dan menarik minat pelajar dengan menggunakan pelbagai kaedah dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian. Maslow (1943) seorang pendukung Teori Humanisme

menjelaskan bahawa pelajar akan belajar dan terus mengikuti pembelajaran jika keperluan asasnya telah dipenuhi. Maknanya, guru perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, BBM yang menarik, suasana kelas yang harmoni, kekeluargaan dan kasih sayang.

Responden juga didapati agak kurang berkemahiran menghubungkan topik-topik dalam pelajaran sejarah. Topik sejarah yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah (2002) dan DSKP Sejarah Sekolah Menengah (2015) telah disusun mengikut kronologi. Adalah penting setiap topik ini dihubungkan supaya pelajar mudah memahami dan menghayati perkembangan sejarah negara sejak zaman sejarah awal Tanah Melayu hingga sekarang. Pelajar juga dapat memahami hubungan negara Malaysia dengan negara luar. Dengan ini pelajar dapat mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku agar mereka lebih menyayangi negara tanah air mereka. Kelemahan guru menjelaskan perkaitan setiap topik dalam mata pelajaran sejarah boleh menjejaskan kefahaman pelajar secara menyeluruh berkaitan perkembangan negara. Perkara ini juga boleh membawa kepada kefahaman yang kurang tepat berkaitan peristiwa bersejarah yang berlaku di negara ini.

Kelemahan guru dalam pengetahuan pedagogi perlu segera diperbaiki bagi memastikan proses pengajaran sejarah tidak hambar dan lesu. Meskipun terdapat beberapa kajian yang menunjukkan pengetahuan pedagogi guru-guru sejarah pada tahap baik, namun tidak kurang juga kajian yang mendapat jawapan yang sebaliknya. Kajian Siti Hawa Abdullah (2008) dan Malar Muthiah (2010) menunjukkan sebilangan guru sejarah tidak berkeupayaan menggunakan strategi terkini yang berpusatkan pelajar. Sementara itu, ada juga kajian menunjukkan bahawa masih ramai guru sejarah menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran mereka (Zaiton dan Nik Azleena, 2007). Akhirnya pelajar menjadi bosan dan tidak minat untuk belajar sejarah (Anuar dan Nelson, 2015). Ini memberi impak yang negatif terhadap keberkesanan proses PdP sejarah itu sendiri yang akhirnya menyebabkan mata pelajaran sejarah kurang berfungsi untuk membangunkan jati diri pelajar.

Perkara ini mungkin berkait rapat dengan ruang lingkup pengetahuan pedagogi itu sendiri yang agak luas dan melibatkan beberapa elemen seperti pengetahuan strategi, kaedah, penilaian, alat bantuan mengajar, pengurusan kelas dan sebagainya. Sebilangan guru berupaya menguasai aspek-aspek tertentu dalam konstruk pengetahuan pedagogi tetapi lemah dalam aspek-aspek yang lain. Namun ini bukanlah alasan untuk guru-guru tidak menguasai pengetahuan pedagogi. Sebagai guru yang menjadi harapan masyarakat dan ibu bapa mendidik anak mereka, perlu sentiasa menguasai pengetahuan pedagogi terkini supaya sentiasa relevan dengan keperluan pelajar semasa. Dalam hal ini, mahu tidak mahu guru harus terus berusaha secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang ini bagi memastikan pengajaran lebih berkualiti dan berkesan.

Jika mengambil kira dapatan kajian ini, satu rumusan boleh dikemukakan bahawa pengetahuan pedagogi guru-guru sejarah agak tidak seimbang. Sebilangan guru menguasainya pada tahap baik, sementara sebilangan lagi masih pada tahap sederhana ataupun lemah. Situasi ini sesuatu yang kurang baik bagi mata pelajaran sejarah kerana pengetahuan pedagogi ibarat jambatan yang menghubungkan pengetahuan kandungan guru kepada pelajar. Jika guru tidak dapat menyampaikan kandungan kepada pelajar dengan berkesan maka pengajaran yang disampaikan oleh guru berkenaan tidak memberi sebarang makna kepada pelajar. Pada masa yang sama, guru-guru sejarah gagal memainkan peranannya bagi membangunkan semangat patriotisme pelajar. Oleh itu, tindakan komprehensif perlu digerakkan melibatkan semua guru

sejarah untuk melonjakkan tahap pengetahuan mengajar guru-guru sejarah termasuk pengetahuan pedagogi.

Semua guru sejarah perlu diberi pendedahan dengan pelbagai pengetahuan mengajar yang baharu terutama sekali strategi, pendekatan kaedah dan teknik mengajar abad ke-21 (PAK21) yang banyak memberi tumpuan kepada pengajaran berpusatkan pelajar dan juga penggunaan ICT (KPM, 2015). Guru-guru bukan pengkhususan khususnya, perlu diberi pendedahan secukupnya melalui kursus, seminar dan bengkel tentang pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik mengajar sejarah. Peluang menghadiri kursus perlu dibuka seluas-luasnya kepada guru-guru sejarah kerana masih ramai guru sejarah yang tidak pernah ditawarkan untuk mengikuti kursus, menyebabkan pengetahuan mereka tidak *up to date* (Ahmad Rahim, 2012). Keupayaan guru dalam pengetahuan pedagogi mampu membangkitkan minat pelajar dalam mata pelajaran sejarah. Pada masa yang sama dapat memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar seterusnya membangkitkan rasa seronok untuk melibatkan diri dalam proses PdP. Kualiti dan keberkesanan pengajaran sejarah berkait rapat dengan penguasaan guru dalam pelbagai kaedah pengajaran, kerana pelajar yang hadir adalah dari latar belakang akademik, sosial dan ekonomi yang berbeza (Abdul Rahim Mohd Ali, 2000). Kebolehan guru menguasai pengetahuan pedagogi merupakan kejayaan awal bagi guru untuk menzahirkan pengajaran yang berkesan. Guru yang menguasai pengetahuan pedagogi seperti penguasaan bahan, menyediakan rancangan pengajaran, pengurusan kelas, penggunaan sumber, kawalan pelajar, pengetahuan kaunseling, menyelaras pentadbiran sekolah dan mengenal prinsip-prinsip penilaian mampu memotivasikan pelajar untuk belajar (Sardiman, 2008).

Keterikatan guru dengan kaedah rutin dan keengganan guru meneroka pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif menyumbang kepada rasa bosan dalam kalangan pelajar (Ahmad Rafaa, 2010; Ahmad Ali, 2012). Justeru, guru perlu melakukan transformasi dalam melaksanakan PdP sejarah melalui pendekatan yang mesra pelajar. Pelbagai pendekatan dan kaedah yang telah terbukti mampu membangkitkan dan merangsang minat pelajar untuk belajar wajar diaplikasikan dalam proses PdP sejarah. Pelajar perlu diberi ruang untuk membina pengetahuan dengan kreativiti mereka sendiri untuk mencari penyelesaian sebarang persoalan yang dikemukakan oleh guru. Guru perlu mengaplikasikan Teori Humanisme dalam perancangan dan pelaksanaan PdP mereka, dengan memberi peluang kepada pelajar meneroka pengetahuan dengan cara yang mereka ingini. Di samping itu guru perlu bertindak sebagai fasilitator dan sentiasa memberi bimbingan dan menyediakan keperluan pembelajaran yang sesuai untuk semua pelajar.

Guru-guru sejarah perlu melakukan transformasi dalam pendekatan pengajaran mereka supaya tidak terlalu terikat dengan pengajaran berpusatkan guru seperti kuliah dan penghafalan fakta semata-mata. Aplikasi pengajaran berpusatkan pelajar lebih menyeronokkan dan memberi lebih kebebasan kepada pelajar menjana ilmu pengetahuan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dari segi akademik dan kemahiran sosial. Ini dibuktikan melalui kajian Malar Muthiah (2013), yang mendapati penggunaan kaedah *STAD* berjaya meningkatkan pencapaian murid kumpulan eksperimen secara signifikan dalam mata pelajaran sejarah berbanding dengan kumpulan kawalan. Selain itu, kemahiran sosial murid kumpulan eksperimen juga meningkat secara signifikan selepas menggunakan kaedah *STAD*. Kesimpulannya kaedah *STAD* membantu dalam ketekalan pengetahuan sejarah, kemahiran sosial dalam kalangan murid Tingkatan Dua di dua buah sekolah di Sungai Petani.

Kemajuan teknologi maklumat masa kini merupakan peluang terbaik bagi guru-guru untuk mengeksploitasi sumber tersebut bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Menurut Azwan et al., (2005) penggunaan *ICT* mampu menjana PdP yang berkesan dan menarik minat pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan. Ini bertepatan dengan pandangan Irfan Naufal dan Sajap (2004), penggunaan *ICT* dalam proses PdP membolehkan bilik darjah bertemu dengan dunia nyata serta membolehkan pelajar-pelajar sendiri mencari maklumat dan bahan asal. Ini bermakna guru yang menguasai *ICT* dan mengaplikasikannya dalam proses PdP sejarah dapat meningkatkan keberkesanan pengajarannya dan menghilangkan rasa bosan pelajar.

Dapatan ini memberikan gambaran bahawa pengetahuan pedagogi adalah elemen penting sebagai wadah penyampaian ilmu dan kemahiran kepada murid. Pengetahuan pedagogi ibarat jambatan yang menghubungkan pengetahuan kandungan dengan pelajar (Norhasliza dan Zaleha, 2008). Guru yang menguasai kemahiran pedagogi dengan baik mampu menzahirkan suasana pembelajaran yang berwarna-warni dengan kaedah yang menarik, bahan bantu yang sesuai, hubungan guru dan pelajar yang harmoni serta iklim pembelajaran yang membangkitkan semangat belajar pelajar (Norhasliza dan Zaleha, 2008). Ini selaras dengan pandangan Rosnanaini Sulaiman (2003) yang berpendapat bahawa kualiti pengajaran guru sejarah di sekolah berkait rapat dengan pemilihan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam penyampaian bahan pengajaran agar dapat diterima, diserap dan diamalkan oleh pelajar. Ini bermakna kelemahan guru dalam pengetahuan ini menyebabkan suasana pembelajaran yang tidak kondusif, membosankan dan menjejaskan minat pelajar untuk belajar.

Sementara itu, keputusan analisis berkaitan hubungan antara pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme ada persamaan dengan kajian Mohd Fauzi Ali (2015) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pedagogi sejarah, penggunaan bahan bantu mengajar, *ICT* serta penerapan nilai patriotisme dengan aplikasi pedagogi guru sejarah. Hasil kajian penyelidikan ini jelas menguatkan lagi dapatan kajian ini khususnya berkaitan dengan aplikasi guru dalam penerapan patriotisme. Sementara itu kajian oleh Mohammad Rusdi Ab Majid (2017) dalam kalangan guru-guru bahasa Arab juga mendapati pengetahuan pedagogi mempunyai hubungan dengan kreativiti pengajaran guru. Meskipun pemboleh ubah bersandar dalam kajian yang dikemukakan sebagai perbandingan dengan dapatan kajian tidak sama, namun ia masih boleh menggambarkan aktiviti mengajar. Penyelidik perlu mengemukakan kajian yang hampir sama, memandangkan belum ada kajian yang secara khusus mengkaji hubungan pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme.

Bersandarkan kepada dapatan kajian ini dan sorotan kajian lepas, terbukti pengetahuan pedagogi sangat penting dalam aplikasi pengajaran yang berkesan termasuklah dalam penerapan patriotisme (Mohd Fauzi Ali, 2015). Guru yang menguasai pengetahuan pedagogi mampu merancang dan melaksanakan penerapan patriotisme dengan berkesan dengan menyediakan BBM dan mengaplikasikan kaedah yang menarik bersesuaian dengan tahap kecerdasan pelajar. Malah guru-guru yang menguasai pengetahuan pedagogi sentiasa menampilkan gaya pengajaran pelbagai dan menggunakan *ICT* dalam pengajarannya. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan kemahiran guru melaksanakan kaedah yang menyeronokkan pelajar semasa penerapan patriotisme seperti kajian Karmila Mansur (2015) yang menggunakan kaedah *Playcooper*, Azwani Ismail (2012), menggunakan kaedah koperatif *STAD*, Mahat Jamal (2015) dan Gregory (2010) menggunakan kaedah nyanyian menunjukkan pelajar seronok mengikuti aktiviti yang disediakan oleh guru. Malah pencapaian pelajar dalam aspek yang dibincangkan juga menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Penguasaan guru terhadap pengetahuan pedagogi merupakan aspek penting yang mempengaruhi kefahaman pelajar terhadap kandungan yang disampaikan. Pengetahuan pedagogi ibarat jambatan yang menghubungkan pengetahuan kandungan dengan kefahaman pelajar. Secara analoginya jika jambatan rosak pengetahuan kandungan tidak akan sampai kepada pelajar, dan jika sampaipun mungkin tidak lengkap. Ini bermakna jambatan perlu kukuh ataupun pengetahuan pedagogi guru perlu kukuh supaya kandungan yang disampaikan akan dapat diterima oleh pelajar. Jelasnya pengetahuan pedagogi sangat penting dikuasai guru supaya proses penerapan patriotisme lebih berkesan. Pengetahuan kandungan dari seorang guru pakar tidak akan memberi makna jika tidak dapat disampaikan dengan berkesan kepada pelajar. Oleh itu semua guru sejarah perlu meningkatkan keupayaan terhadap pengetahuan pedagogi dan sentiasa mengikuti perkembangan pedagogi terkini agar kaedah yang digunakan relevan dengan keperluan pelajar. PAK21 menuntut semua guru menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar untuk membangunkan potensi pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dengan menekan kepada kemahiran berfikir aras tinggi dan kreativiti ke arah kemenjadian pelajar (KPM, 2012).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian ini telah berjaya mendapatkan jawapan terhadap objektif kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Dapatlah disimpulkan bahawa tahap pengetahuan pedagogi guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah masih boleh ditingkatkan lagi bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Usaha meningkatkan kompetensi guru-guru Sejarah dalam pengetahuan pedagogi perlu diberi perhatian serius kerana dapatan kajian ini dan juga soroton literatur yang dibuat menunjukkan hubungan yang kuat antara pengetahuan pedagogi dengan penerapan patriotisme dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

Senarai Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2004. *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Halim al-Muhammadi. 2009. Manfaat ilmu cara terbaik hargai jasa guru: pendidik pikul tanggungjawab berat bentuk generasi berdaya saing, pemimpin masa depan. *Berita Harian*, 15 Mei. Hlm., 4l.
- Abdul Sukor Shaari. 2011. *Pedagogi Dari Sekolah ke Institut Pendidikan Tinggi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang dan Zunaida Zakaria. 2017. The Implementation Of History Education In Promoting Patriotism Values. *Proceedings of Researchfora 6th International Conference, Paris, France*, 14 -15 Mei. Hlm. 9-16
- Ahamad Rahim. 2012. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tg 2*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Rafeai Ayudin. 2010. *Penilaian keberkesanan pengajaran sejarah terhadap pencapaian matlamat pembelajaran, kesediaan belajar, kefahaman konsep dan pemikiran sejarah*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Aniek Sugesti Handayani. 2012. *Penerapan Pembelajaran Kooperatif Jigsaw Dalam Meningkatkan Minat dan Prestasi Belajar Sejarah*. (Tesis Sarjana) Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman dan Nur Atiqah T. Abdullah. 2009. Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53-66.
- Anuar Ahmad. 2001. Warganegara patriotik, masyarakat sivil dan Pendidikan Sejarah. *Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur. 8-12 Oktober.
- Anuar Ahmad dan Nelson Jingga. 2015. Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3, 1-11.
- Anuar Ahmad, Siti Haisah Abdul Rahman dan Nur Atiqah T. Abdullah. 2009. Keberkesanan Penggunaan Animasi Statik Berdialog dalam Pembelajaran Sejarah. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau ke 4*, 14-25.
- Ahmad Rusdi. 2002. *Permasalahan Pelaksanaan Unsur Patriotisme Dalam Mata pelajaran Kajian Tempatan: Punca Daripada Guru Sendiri*. Alor Setar: Institut Perguruan Darulaman.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad dan Abd. Rahman Abd. Aziz. 2005. Kesan efikasi sendiri guru Sejarah terhadap amalan pengajaran berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7, 15-24.
- Azwani Ismail. 2012. *Kesan Model STAD terhadap patriotisme. sikap dan kemahiran komunikasi pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Chua, K. H. 2007. *Pembangunan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah tingkatan dua: Perbandingan antara empat jenis sekolah*. (Tesis Sarjana) Universiti Teknologi Malaysia.
- Eekelen, I.M.V., Boshuizen, H.P.A., dan Vermut, J.D. 2005. Self-regulation in higher teacher learning. *Journal of Higher Education*, 50, 447-471.
- Hassard J. 2000. *Pedagogical Content Knowledge Concept Map*. Dipetik dan dicetak dari <http://www.scied.gsu.edu/Hassard/>, pada 10 April 2013.
- Haminah Suhaibo. 2007. *Pemupukan patriotisme dalam pendidikan sejarah tingkatan satu*. (Thesis Doktor Falsafah) Universiti Malaya.
- Haminah Suhaibo. 2010. Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu. *Jurnal Penyelidikan. IPG KBL*, 9, 1-18.
- Hsu, Y.C., dan Shiue, Y.M. 2005. The Effect of self-Directed Learning Readiness on Achievement Comparing Face-To-Face and Two-Way Distance learning Instruction. *International Journal of Instructional Media*, 32(2), 143-155.
- Jaizah Mahamud. 2001. Tinjauan terhadap penerapan unsur patriotisme melalui mata pelajaran Kajian Tempatan di kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum. *Seminar penyelidikan*. MPKB 14-15 Ogos.
- Karmila Mansur. 2018. Menarik Minat, Menguasai Makna Lambang dan Menilai Kepentingan Jata Negara Bagi Murid Tahun 5 Menggunakan Kaedah Playcooper, *Jurnal Pendidikan Sains Sosial*, 69-82.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua*.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Laporan Kajian Tentang Isu Kurang Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah berprestasi Rendah SPM 2002*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Laporan Pemantauan Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah di Sarawak dan Sabah 2004*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Sekolah Menengah*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*.
- Ku Hasnita Ku Samsu dan Mohd Haizan Mohd Nor. 2009. Semangat Patriotisme dalam Kalangan Mahasiswa bukan Melayu di IPT Sekitar Lembah Kelang. *Akademika*, 75(1), 85-100.
- Lee, B. N., 2013. ICT dan Pengajaran-Pembelajaran Sejarah Di Sekolah. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*. Universiti Malaysia Sabah. 29-30 Ogos.
- Mahat Jamal. 2015. Semangat patriotisme melalui lagu-lagu patriotik: kajian persepsi beberapa orang belia di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 4, 56-75.
- Malar Muthiah. 2013. Kesan Kaedah STAD Terhadap Ketekalan Pengetahuan Sejarah dan Kemahiran Sosial Murid Tingkatan Dua. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*. 29-30 Ogos. Universiti Malaysia Sabah.
- Maslow, Abraham. 1943. A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 5(4), 370-396.
- Mohd. Fauzi Ali, Abdul Razaq Ahmad dan Mohamad Iskandar Shah Sitam. 2015. Pengetahuan Kompetensi Ke Arah Peningkatan Aplikasi Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sejarah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-7 Pendidikan Serantau*, 5-7 November, 1(0) 284-299.
- Mohd. Fauzi Ali. 2015. Pengetahuan Kompetensi ke arah peningkatan aplikasi kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru sejarah. *Jurnal Penyelidikan (Muallim)*, 11(1), 75-84.
- Mohd. Johdi Salleh. 2003. *Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah: Perspektif Pelajar-Pelajar*. Kertas Kerja Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insan: Universiti Islam Antarabangsa
- Mohammad Rusdi Ab Majid. 2017. *Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Dan Kreativiti Pengajaran Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Nagarajan Muniandy. 2006. Kesan Penggunaan kaedah STAD terhadap penulisan karangan Bahasa Tamil. *Laporan Praktikum Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan*, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Nazri Muslim dan Jamsari Alias. 2004. Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme*. Langkawi, 4-6 September.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2002. Patriotisme Dalam Penulisan Sejarah. *Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP*. Anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober.
- Noraini Idris dan Shuki Osman. 2009. *Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Companies.
- Norhasliza Hassan dan Zaleha Ismail. 2008. Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Pelatih Matematik Sekolah Menengah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik*. 11-12 Oktober. Johor Baharu, Johor.

- Norliza Abdul Majid. 2003. *Sikap Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Mata pelajaran Sejarah*. (Tesis Sarjana) Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Norrizan Seman. 2003. *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002)*. (Tesis Sarjana) Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya.
- Ramlah @ Ayu Md Yusof. 2007. *Penerapan unsur-unsur patriotisme melalui pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah politeknik*. (Tesis Sarjana) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Raja Ruslan Raja Samah. 2005. *Patriotisme Belia Malaysia*. Dalam Hussain Mohamad. 2005. *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Rosnanaini Sulaiman 2003. *Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Kemahirn Berfikir dalam Mata Pelajaran Sejarah: Satu kajian kes*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Rossafri Mohamad dan Shabariah Mohamad. 2011. Kesan Penggunaan Laman Sosial ke atas Kaedah Perbincangan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1, 75-80.
- Sani La Bise. 2013. *Penerapan Unsur Patriotisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Tingkatan Dua di Sebuah Sekolah Menengah di Labuan: Satu Kajian Kes*. (Tesis Sarjana) Universiti Malaysia Sabah.
- Sardiman. 2008. *Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar*. Bandung: Rajawali Pers.
- Siti Hawa Abdullah. 2008. *Empati Sejarah Dalam Kalangan Murid Tingkatan Dua*. (Tesis Doktor Falsafah) (Tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Stephens, P. dan Crawley, T. 2002. *Becoming an effective teacher*. UK: Nelson Thornes Ltd.
- Tiyas Sartika. 2016. Penanaman Rasa Nasionalisme Melalui Pembelajaran Sejarah Pada Siswa Kelas Xi Ips Di Sma Negeri Jatilawang. *Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 10(2), 1-11.
- Tunner-Bisset, R. A. 2007. *Pengajaran Pakar*. (Terj). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail. 2007. Kesianaan Guru-guru Sejarah Menerap Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32, 119-137.
- Zahara Aziz dan Nurliah Jair. 2009. Penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 3-15.